
**PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA**



FAB3000009871

**KAJIAN KONFLIK PEJALAN KAKI DENGAN LALULINTAS DI PUSAT
BANDAR**

**KAJIAN KES:
PUSAT BANDAR KOTA TINGGI**

MOHD SHAFARIZAM BIN AHMAD ARSHAD

Tesis ini dikemukakan
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

15 MEI 2009

ABSTRAK

Fungsi pusat bandar sebagai pusat perniagaan, perdagangan, perkhidmatan dan pentadbiran telah menyebabkan ia menjadi tempat tumpuan pelbagai aktiviti manusia. Oleh kerana itu apabila sesebuah bandar itu semakin berkembang ia juga secara tidak langsung telah menarik lebih ramai pengguna bandar, dan cara pengguna-pengguna bandar ini bergerak lazimnya samaada berjalan kaki atau menggunakan kenderaan. Kesan daripada situasi ini ialah ianya telah menimbulkan pelbagai masalah di pusat bandar dan salah satunya adalah konflik di antara pergerakan pejalan kaki dengan lalulintas. Justeru, timbul persoalan mengapa konflik ini berlaku walaupun laluan pejalan kaki telah disediakan. Dengan mengambil Pusat Bandar Kota Tinggi sebagai fokus, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor berlakunya konflik ini dan kesannya kepada pihak yang terlibat sekaligus mencadangkan kaedah-kaedah untuk mengurangkan masalah ini. Bagi tujuan ini, beberapa kaedah kajian telah dilakukan iaitu kajian pejalan kaki, kajian lalulintas, kajian gunatanah dan soal selidik. Maklumat primer kajian ini diperolehi daripada pengamatan mengenai tahap penyediaan kemudahan pejalan kaki, perletakan gunatanah semasa dan soal selidik, manakala maklumat sekunder yang digunakan pula adalah seperti Laporan Impak Lalulintas (TIA) serta Draf Rancangan Tempatan (RTD). Hasil analisis kajian memperlihatkan tahap penyediaan dan kualiti kemudahan pejalan kaki yang rendah, kapasiti lalulintas yang menghampiri tahap maksimum, dan ketidaksesuaian perletakan gunatanah adalah merupakan faktor utama yang menyumbang kepada konflik yang berlaku. Berdasarkan kepada penemuan-penemuan yang diperolehi daripada kajian ini, beberapa kaedah untuk mengurangkan masalah konflik pejalan kaki dengan lalulintas ini telah dikemukakan.

ABSTRACT

The functions of city centre as commercial, services and administration centres have made the city become the centre of various activities. Urban sprawl has directly attracted more people to the city and most of their modes are either by walking or vehicles. The effects of the situation create many problems at city centre; one of it is conflict between pedestrian and city traffic. Therefore, question raised on why the conflict happened even though pedestrian facilities are provided. With Kota Tinggi City Centre as focus, this study is aimed to identify the factors that contribute to the conflict and its effects to the people involved so as to suggest suitable ways to decrease this problem. For research purpose, some research methods have been carried out such as pedestrian survey, traffic survey, land use survey and respondent survey. Primary data of this study are acquired from observation on accommodation level of pedestrian facilities, current land use allocation, and survey, while secondary data used are from Transport Impact Assessment (TIA) and Draft of Local Plan. The results from this study show that the level and quality of pedestrian facilities provided are low, and unsuitable land use allocation is the factor contributes to the conflict happened. From the research findings, a number of methods to lessen the conflict between pedestrian and the traffics have been suggested.